

Bil. S 7

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2020/2021) (BIL. 1), 2024

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2022) bertarikh 29 haribulan Ogos 2022 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak empat bilion, lapan ratus juta ringgit (\$4,800,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2020/2021), 2020 (Akta 1 tahun 2020).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak satu ratus lima puluh empat juta, lima puluh ribu, empat ratus enam puluh lapan ringgit dan sembilan puluh dua sen (\$154,050,468.92).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2020/2021) (Bil. 1), 2024.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2020/2021 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus lima puluh empat juta, lima puluh ribu, empat ratus enam puluh lapan ringgit dan sembilan puluh dua sen (\$154,050,468.92) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2020/2021, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2020/2021), 2020 (Akta 1 tahun 2020), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraihan (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$1,346,576.00
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI		
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$587,788.00
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$119,503,358.92
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$3,644,565.20
KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$9,603,177.00
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI		
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$2,965,003.80

KEMENTERIAN TENAGA

SQ02A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$16,400,000.00
		<u>\$154,050,468.92</u>

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1445 bersamaan dengan 23 haribulan Januari, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**